

Sabtu, Apr 14 2018

BR1M tak jejas sasaran pengukuhan defisit fiskal

BH 14/4

➔ Tambahan bantuan turut ambil kira faktor kenaikan harga minyak: Johari

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@nstp.com.my

Penambahan dua kategori baharu Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) seperti yang diumumkan dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) baru-baru ini, tidak akan menjejaskan sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal 2.8 peratus pada tahun ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata Manifesto BN adalah kesinambungan daripada perancangan yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan pembentangan Bajet 2018 yang memfokuskan kepada usaha membantu rakyat serta pertumbuhan ekonomi.

"Kami sudah berjanji kepada rakyat akan memastikan defisit negara dikawal supaya tidak seperti yang berlaku pada 2009 apabila defisit kita mencapai 7.0 peratus.

"Kini, kita sudah berjaya mengawalinya, iaitu daripada 7.0 pe-

ratus kepada 3.0 peratus. Kerajaan berusaha untuk mencapai 2.8 peratus tahun ini," katanya selepas majlis penyerahan rumah Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Bhd (TNB) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Kampung Baru, Kuala Lumpur semalam.

Dua kategori penerima

Johari berkata, penambahan bantuan BR1M turut mengambil kira faktor kenaikan harga minyak kerana Bajet 2018 dibuat adalah berdasarkan harga minyak AS\$52 satu tong.

"Namun, harga minyak sekarang ini dalam lingkungan AS\$67-AS\$68 satu tong. Disebabkan ada peningkatan itu ia memberi lebihan pendapatan kepada negara.

"Justeru, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berpendapat, sewajarnya ia (lebih itu) dipulangkan semula kepada penerima BR1M dan kategori yang berpendapatan RM4,000 hingga RM5,000 sebagai menampung kekangan berdepan dengan pelbagai faktor luaran,"

katanya.

Manifesto BN menggariskan dua kategori penerima BR1M, iaitu isi rumah berpendapatan RM4,000 hingga RM5,000, bakal menerima RM700 dan bantuan sekali RM1,500 diberi kepada anak penerima BR1M, yang dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Kenaikan unjuran KDNK Bank Dunia

Mengenai semakan menaik unjuran KDNK Malaysia oleh Bank Dunia, Johari berkata, ia membuktikan asas ekonomi negara adalah mantap, yang dibantu kestabilan politik.

"BN sudah memerintah negara ini lebih 50 tahun, daripada saiz ekonomi cuma RM4 bilion kini sudah mencecah RM1.3 trilion. Daripada sebuah ekonomi hanya berlandaskan pertanian, kini sudah transformasi kepada pembuatan, sektor perkhidmatan dan ekonomi digital.

"Transformasi itu adalah hasil kestabilan politik yang baik, malah antara terbaik di ASEAN," katanya.

➔ Lihat Ms.28



Kami sudah berjanji kepada rakyat akan memastikan defisit negara dikawal supaya tidak seperti yang berlaku pada 2009 apabila defisit kita mencapai 7.0 peratus"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan Kedua